

Fahami masalah rakyat - Muhyiddin

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz.yusoff@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penting bagi pemimpin di negara ini memahami keperluan pelbagai kumpulan rakyat ketika Malaysia berdepan cabaran.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap sistem maklum balas daripada peringkat bawah hingga ke atas diperkukuh bagi memastikan kerjasama pembuat dasar dicapai.

Selain itu kata beliau, penyesuaian pelan tindakan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan dan perancangan bandar dapat direalisasikan sekiranya sistem maklum balas diperkukuhkan.

“Semua ini memerlukan usaha bersepadu kementerian dan agensi di peringkat nasional, negeri dan setempat untuk bekerja ke arah kesepakatan dasar serta strategi agar pertumbuhan lebih mapan dapat berlaku pada masa depan.

“Kita tidak boleh sekadar memberi penekanan cabaran dan aspirasi terutama dengan baki lebih kurang 10 tahun untuk mencapai Agenda Pembangunan Lestari 2030,” katanya ketika berucap merasmikan



MUHYIDDIN Yassin bergambar selepas penyerahan tawaran pekerjaan untuk graduan oleh pemain industri di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Forum Bandar Malaysia (MUF) 2020 di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) di sini semalam.

Yang hadir sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin; Timbalannya, Datuk Seri Dr. Ismail Abd Muttalib dan Pengarah Eksekutif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Program Penempatan Manusia (UN-Habitat), Datuk Seri Maimunah Mohd. Sharif.

Bertemakan ‘Negara Bandar Lestari 2030 - Tindakan Dan Wadah Transformatif Untuk

Merealisasikan Agenda Lestari’, forum berlangsung setiap tahun itu menampilkan kelainan susulan pandemik Covid-19.

Dalam pada itu, Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) berkata, penambahbaikan pusat komuniti setempat menerusi pelbagai aktiviti peningkatan kemahiran, pendidikan dan keusahawanan terutama di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) terus menjadi agenda utama kerajaan.

“Pada 25 Ogos lalu saya melawat PPR Desa Rejang dan meninjau sendiri kehidupan rakyat

miskin bandar daripada golongan warga emas sehingga orang kurang upaya (OKU). Kebanyakan mereka membuat kerja kecil-kecilan, bekerja sebagai pemandu teksi dan lori untuk meneruskan kehidupan yang penuh mencabar.

“Sehubungan itu, antara perkara yang boleh dipertingkatkan adalah menambah baik pusat komuniti setempat dengan menyediakan pelbagai aktiviti kemahiran, pendidikan dan keusahawanan demi menjamin kesejahteraan masa depan,” ujarnya.